

UMNO fikirkan cara perketat, etika pemilihan

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO - sedang memikirkan cara untuk memperketatkan etika pemilihan bagi memastikan pertandingan parti tahun depan tidak akan menyebabkan perpecahan yang teruk seperti tahun 1987.

Presiden UMNO berkata, beliau percaya etika pemilihan yang disesuaikan dengan kaedah tertentu mampu menjamin perpaduan dalam parti.

Bagaimanapun beliau mengingatkan, etika sahaja tidak memadai jika ia akhirnya tidak dipatuhi oleh ahli parti.

"Kita sedang fikirkan cara nak adakan etika ini tetapi etika sahaja kalau tidak patuhi pun tak guna juga. Kena ada cara tertentu (menyesuikannya)," kata beliau kepada pemberita selepas hari kedua Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Rabu lalu bahawa etika pemilihan sekarang tidak mencukupi bagi memastikan pemilihan parti tahun depan dia-

dakan secara terkawal dan tidak memecahbelahkan parti.

Dr. Mahathir yang turut ditanya sama ada kemungkinan UMNO akan meminda perlembagaannya bagi menghadkan tempoh tertentu menyandang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, berkata:

"Perpaduan bukan berasaskan kepada undang-undang semata-mata tetapi etika."

Malahan beliau yakin etika parti mencukupi untuk menentukan sama ada seseorang Presiden boleh kekal lama menyandang jawatan tersebut.

Secara berseloroh, beliau berkata: "Kalau pendek sangat, saya tidak ada peluanglah (untuk membangunkan parti dan negara)... sudah 22 tahun.

"Apa, anda (pemberita) tak suka. Cuba bayangkan berapa banyaklah sangat (peluang untuknya memajukan negara ini) kalau pendek sangat."

Menurut Dr. Mahathir, beliau lebih suka sekiranya peralihan kepimpinan mengikut tradisi parti yang nampaknya berjalan lancar dan bukannya dibuat oleh undang-undang.

"Memadailah ia menjadi tradisi. Tradisi yang ada

mesti ikutlah. Kadangkala tak ikut tak apa tetapi bagi ikut kemudiannya," kata beliau.

Mengulas kenyataan bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Ghafar Baba yang mahukan jawatan nombor dua parti itu dipertandingkan, Dr. Mahathir berkata, realitinya penentuan kedudukan jawatan itu adalah proses yang pernah dilalui oleh beliau sendiri.

"Bila Tun Hussein Onn jadi Perdana Menteri, dia lantik saya menjadi Timbalan Perdana Menteri tetapi bukan sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Presiden tidak diisi sehingga ada pemilihan.

"Yalah, saya punya kedudukan (ketika itu) sebagai pemangku sahaja," katanya.

UMNO berpecah kepada dua kern berikutan pertandingan pada 1987 antara Dr. Mahathir dan pencabarnya Tengku Razaleigh Hamzah.

Peristiwa tersebut membawa kepada pengharman UMNO sebagai sebuah parti pada 1988 dan menyebabkan ahli-ahli berpecah menyertai UMNO Baru (sekarang) dan Semangat 46.